



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkeelayakan (keutamaan anak kelahiran Negeri Perlis atau pemastautin di Negeri Perlis) untuk mengisi jawatan seperti keterangan berikut :-

1. Maklumat jawatan

- | | |
|-----------------------------|--|
| a) Jawatan | : Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Gred S29 |
| b) Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| c) Klasifikasi Perkhidmatan | : Sosial |
| d) Jabatan | : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis |
| e) Taraf Jawatan | : Kontrak (<i>Contract Of Service</i>) |
| f) Jadual Gaji | : RM 1,493.00 dan elaun |

2. Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab; atau
- ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

- iii. Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- d) Pemohon yang sedang berkhidmat dengan mana-mana jabatan/agensi kerajaan hendaklah memohon melalui ketua Jabatan masing-masing.

3. Syarat Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat :

Kontrak selama satu (1) tahun seperti mana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak dan tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri bagi penyambungan kontrak.

5. Deskripsi Tugas :

- Melaksanakan pemantauan terhadap premis dan guru sekolah agama rakyat dan swasta, maahad tahfiz serta pondok untuk memastikan perjalanan mengikut keperluan dan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Perlis;
- Melaksanakan program latihan kompetensi guru sekolah agama rakyat dan swasta, maahad tahfiz serta pondok bagi meningkatkan kredibiliti guru selaras dengan objektif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis;
- Membantu menyediakan buku teks dan buku latihan SAPPs agar isi kandungan mengikut kurikulum yang telah ditetapkan dan selaras dengan Amanat Ketiga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis;
- Menyelaras pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Swasta mengikut keperluan dan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Perlis;
- Mengurus permohonan pelajar ke Timur Tengah untuk lepasan SPM dan STAM agar segala permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan

oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;

- Mengurus permohonan Sokongan Pas Lawatan Tenaga Pengajar dan Pelajar Warganegara Asing di Negeri Perlis bagi memastikan segala permohonan yang dikemukakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan daripada JAKIM dan juga Jabatan Imigresen Malaysia; dan
- Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

6. Cara Memohon :

- Muat turun iklan & borang permohonan di laman sesawang **<https://jaips.perlis.gov.my>** atau **facebook Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis - JAIPs Laman Rasmi**.
- Borang permohonan dan salinan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos/serahan tangan kepada:-

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis

Kompleks Islam Perlis, Persiaran Jubli Emas

01000 Kangar

Perlis

(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan)

- Permohonan yang lewat diterima, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.
- Calon yang layak dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temuduga pada tarikh yang akan ditentukan kelak

7. Tarikh Tutup Permohonan

Pada 9 Jun 2023 (Jumaat) jam 4.30 petang.